



DRAF
RANCANGAN TEMPATAN
DAERAH KUALA KANGSAR 2020

Ringkasan Eksekutif





DRAF
RANCANGAN TEMPATAN
DAERAH KUALA KANGSAR 2020

Ringkasan Eksekutif

*Disediakan Mengikut Peruntukan subseksyen 12 (1)
Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (AKTA 172)*



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia



Majlis Perbandaran
Kuala Kangsar



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Perak Darul Ridzuan

SENARAI KANDUNGAN

Pendahuluan	04
Latar Belakang Kawasan Rancangan Tempatan	05
Lokasi Daerah Kuala Kangsar Yang Strategik	06
Keadaan Guna Tanah Tahun 2011	06
Kesediaan Tanah Untuk Pembangunan	06
Tahap Kemudahsampaian Efisien	09
Imej Bandar Diraja	09
Potensi Pembangunan Pesisir Sungai	09
Kepelbagaian Produk Pelancongan	11
Pengukuhan Tahap Ekonomi Daerah	11
Keperluan Untuk Meningkatkan Jumlah Penduduk Daerah	12
Hala Tuju Pembangunan	13
Pembangunan Guna Tanah 2020	16
Projek Pemangkin	23
Cadangan Pembaharuan Semula Ruang Bandar Kuala Kangsar Bagi Pengukuhan Imej Sebagai Bandar Diraja Negeri Perak	23
Cadangan Zon Warisan Pendidikan	27
Cadangan Pelan Tindakan Pembangunan Pelancongan Komprehensif Daerah Kuala Kangsar	27
Cadangan Pembangunan Bandar Universiti Di Menora	29
Cadangan Taman Wilayah Ulu Kenas	29
Cadangan Taman Herba Bukit Payung	30
Cadangan Penyediaan Rancangan Kawasan Khas	30
Cadangan Perluasan Kawasan Pentadbiran MPKK	30
Lain-Lain Cadangan Pembangunan	32
Cadangan Sistem Pengangkutan Dan Pengurusan Lalulintas	32
Cadangan Infrastruktur Dan Utiliti Bestari	34
Cadangan Pengukuhan Ekonomi Daerah	35
Cadangan Pengukuhan Imej Dan Identiti Bandar Diraja	37
Cadangan Pembangunan Masyarakat Sejahtera	41

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Guna Tanah Pertanian Daerah Kuala Kangsar, 2005-2010 (hektar)	11
Jadual 2	Taburan Pertubuhan Komersial Mengikut Jenis, Daerah Kuala Kangsar, 2010	12
Jadual 3	Pengukuhan Fungsi Mengikut Hierarki Pusat Petempatan	13
Jadual 4	Senarai Bangunan Warisan Daerah Kuala Kangsar	40

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Proses Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2020	04
Rajah 2	Guna Tanah Daerah Kuala Kangsar Tahun 2011	07
Rajah 3	Kesediaan Tanah Untuk Pembangunan Daerah Kuala Kangsar	08
Rajah 4	Sistem Rangkaian dan Perhubungan Daerah Kuala Kangsar	10
Rajah 5	Konsep Pembangunan Daerah Kuala Kangsar	15
Rajah 6	Guna Tanah 2020 Daerah Kuala Kangsar	17
Rajah 7	Guna Tanah 2020 Blok Perancangan 1 : Kota Lama Kanan, Kota Lama Kiri dan Sayong	18
Rajah 8	Guna Tanah 2020 Blok Perancangan 2 : Sg. Siput (U)	19
Rajah 9	Guna Tanah 2020 Blok Perancangan 3 : Kg. Buaya dan Lubok Merbau	20
Rajah 10	Guna Tanah 2020 Blok Perancangan 4 : Senggang	21
Rajah 11	Guna Tanah 2020 Blok Perancangan 5 : Chegar Galah dan Pulau Kamiri	22
Rajah 12	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Kangsar 2020	31
Rajah 13	Sistem Rangkaian dan Perhubungan 2020 Daerah Kuala Kangsar	34

PENDAHULUAN

Penyediaan Rancangan Tempatan (RT) Daerah Kuala Kangsar adalah diperuntukkan di bawah subseksyen 12 (1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). RT ini merupakan satu dokumen rasmi yang menterjemahkan dasar pembangunan negara dan Rancangan Struktur (RS) Negeri Perak 2020 kepada bentuk fizikal yang lebih terperinci dan berdaya laksana. Laporan ini akan digunakan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dan agensi kerajaan sebagai panduan dalam memproses permohonan perancangan dan mengawal selia pembangunan masa hadapan. RT ini juga berperanan sebagai asas kepada penyenaian projek dan program bagi tujuan permohonan peruntukan di dalam Rancangan Malaysia 5 tahun. Proses penyediaan RT ini adalah seperti Rajah 1.


Rajah 1: Proses Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2020



Sumber: Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Kajian RT Daerah Kuala Kangsar

LATAR BELAKANG KAWASAN RANCANGAN TEMPATAN

Kawasan RT meliputi keseluruhan Daerah Kuala Kangsar dengan keluasan 256,360.64 hektar. Ia merupakan daerah ketiga terbesar di Negeri Perak selepas Daerah Hulu Perak dan Batang Padang. Kawasan RT terletak 48 km ke utara dari Bandaraya Ipoh dan boleh dihubung secara terus melalui Lebuhraya Utara Selatan, Jalan Persekutuan 1 dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Kawasan RT terletak di bahagian tengah Negeri Perak dan bersempadan dengan Daerah Hulu Perak (bahagian utara), Kinta (bahagian selatan), Larut Matang dan Selama (bahagian barat) dan Negeri Kelantan (bahagian timur). Terdapat 9 mukim di dalam kawasan RT dan dibahagikan kepada 5 blok perancangan (BP).



Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, terdapat 9 penemuan strategik yang merupakan asas utama dalam menghasilkan matlamat, objektif, teras pembangunan serta cadangan zon guna tanah, projek dan program RT Daerah Kuala Kangsar 2020 iaitu:

LOKASI DAERAH KUALA KANGSAR YANG STRATEGIK

Perletakan Daerah Kuala Kangsar yang bersebelahan dengan Bandaraya Ipoh dan Bandar Taiping merupakan aset dalam menyediakan perancangan fizikal dan ekonomi yang lebih strategik di masa hadapan. Limpahan pembangunan dari koridor Ipoh - Taiping memberi kesan positif kepada peningkatan tahap ekonomi terutama di kawasan bersebelahan seperti Sungai Siput (U) dan Padang Rengas - Kuala Kangsar. Selain itu, kedudukan Daerah Kuala Kangsar di dalam Metropolitan Lembah Kinta bersama-sama dengan Daerah Kinta, Perak Tengah dan Manjung juga memberi kesan positif kepada perancangan masa hadapan daerah. Perancangan yang terperinci diperlukan agar Daerah Kuala Kangsar tidak ketinggalan dengan arus pembangunan di daerah bersebelahan.

KEADAAN GUNA TANAH TAHUN 2011


Guna tanah utama Daerah Kuala Kangsar pada tahun 2011 adalah pertanian iaitu merangkumi 29.02% daripada keluasan keseluruhan daerah. Daerah ini juga mempunyai kawasan hutan seluas 169,227.32 hektar (66.01%) yang perlu dikekalkan. Tepubina sedia ada yang terdiri daripada kawasan perumahan, perindustrian, komersial, tanah lapang & rekreasi, institusi & kemudahan masyarakat, infrastruktur & utiliti serta pengangkutan hanyalah seluas 7,344.58 hektar (2.86%) (Rajah 2). Ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti guna tanah dan ekonomi utama daerah ini masih berasaskan sumber primer. Bagi mengekalkan keseimbangan ekologi dan meningkatkan tahap ekonomi, perancangan pembangunan perlulah dijalankan secara terperinci bagi memastikan daerah berada di dalam keadaan yang mampan.

KESEDIAAN TANAH UNTUK PEMBANGUNAN

Daerah Kuala Kangsar mempunyai kawasan seluas 33,490 hektar (13.06%) yang boleh dibangunkan tanpa halangan dan 57,770.64 hektar (22.54%) pula boleh dibangunkan, tetapi perlu mematuhi syarat dan kawalan (Rajah 3). Daerah Kuala Kangsar mempunyai seluas 165,100 hektar (64.40%) kawasan berhalangan untuk dibangunkan. Sehubungan itu, pembangunan fizikal akan datang perlulah mengambil kira aspek risiko bencana, pemeliharaan kawasan alam sekitar dan tanah pertanian bagi mewujudkan pembangunan yang mampan.




RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020



Rajah 2
GUNA TANAH 2011 DAERAH KUALA KANGSAR

Sumber : Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020



PETUNJUK :

Kesediaan dan Kesesuaian Pembangunan

- Boleh Dibangunkan
- Boleh Dibangunkan Dengan Syarat
- Tidak Boleh Dibangunkan

Lain-Lain

- Bandar / Pekan
- Lebuhraya Utara Selatan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi
- Talian Rintis
- Badan Air
- sempadan Blok Perancangan
- sempadan Daerah Kuala Kangsar

Sumber: Rajah RT Daerah Kuala Kangsar 2020

Kategori	Keluasan (Hektar)	Peratus (%)
Kategori 1 : Kawasan Yang Boleh Dibangunkan <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Berketegangan 0 m - 150 m • Kawasan Berkecerunan Kurang 15 darjah • Selain daripada Kategori 2 dan 3 	33,490.00	13.06
Kategori 2 : Kawasan Yang Boleh Dibangunkan Dengan Syarat <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Berketegangan Antara 150 m – 300 m • Kawasan Hutan • Kawasan Rezab Sungai, Tasik dan Zon Penampungan • Kawasan Bukit Chandan yang kaya dengan warisan Diraja, kraftangan, istana dan perkampungan tradisi • Kawasan Pertanian Kelas 2 • Kawasan Pertanian Akuakultur • Kawasan Rekreasi • Kawasan Banjir • Kawasan Berkecerunan Antara 15 – 35 darjah • Kawasan Jasad Air • Kawasan Tapak Arkeologi, Tapak Monumen & Tapak Pra Sejarah 	57,770.64	22.54
Kategori 3 : Kawasan Yang Tidak Boleh Dibangunkan <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Tanah Tinggi Melebihi 300 m • Semua Kawasan Hutan Simpan • Kawasan Rizab Orang Asli yang telah diwartakan • Kawasan Pertanian Kelas 1 • Kawasan Tepubina • Kawasan Pembangunan Komited • Kawasan Berkecerunan Melebihi 35 darjah • Kawasan Jajaran Lebuhraya JELAS • Kawasan Pembangunan Projek Landasan Keretapi Berkembar 	165,100	64.40
Jumlah	256,360.64	100.00

Rajah 3
KESEDIAAN TANAH UNTUK PEMBANGUNAN DAERAH KUALA KANGSAR

TAHAP KEMUDAHSAMPAIAN EFISIEN

Daerah Kuala Kangsar mempunyai 3 mod pengangkutan iaitu jalan raya, keretapi dan pengangkutan air. Projek Landasan Berkembar Elektrik KTMB dari Ipoh ke Padang Besar yang sedang berjalan turut memberi kesan kepada senario pengangkutan awam di daerah ini. Dengan adanya perkhidmatan komuter antara Kuala Kangsar dengan Ipoh dan Taiping kelak, pembangunan Kuala Kangsar akan berubah menjadi bandar satelit kepada Ipoh. Terdapat 3 stesen keretapi iaitu di Kuala Kangsar, Sungai Siput (U) dan Padang Rengas. Lebuhraya Utara - Selatan yang bermula dari Terowong Menora hingga ke Padang Rengas sepanjang 29 km (bagi daerah ini) (1 persimpangan keluar / masuk) dan lebuhraya komited (Lebuhraya Jelapang - Selama) dengan 3 persimpangan keluar / masuk memberi impak besar kepada pembangunan daerah di masa hadapan. Selain itu, Daerah Kuala Kangsar juga menjadi bandar persimpangan antara perjalanan utara - selatan dengan timur - barat di mana Jalan Persekutuan 76 (Kuala Kangsar - Baling) yang bersambung dengan persimpangan Lebuhraya Utara - Selatan Kuala Kangsar menyediakan laluan ke Lebuhraya Timur - Barat melalui Grik ke Negeri Kelantan (Rajah 4).

IMEJ BANDAR DIRAJA


Daerah Kuala Kangsar mempunyai imej Bandar DiRaja dan Bandar Warisan yang jelas berdasarkan wujudnya bangunan-bangunan Kesultanan Negeri Perak di sekitar Bandar Kuala Kangsar. Selain itu, terdapat 20 bangunan warisan dan 20 makam yang tersenarai dalam Jabatan Warisan Negara. Kebanyakan bangunan warisan di daerah ini berusia hampir / lebih 100 tahun. Bagi mengukuhkan lagi imej Bandar DiRaja, penerapan elemen Bandar DiRaja dan Bandar Bersejarah di kawasan pintu masuk, pusat tumpuan penduduk dan reka bentuk bangunan lain perlu dicadangkan dengan lebih efisien.



POTENSI PEMBANGUNAN PESISIR SUNGAI

Sg. Perak yang terletak bersebelahan dengan Bandar Kuala Kangsar berpotensi untuk dibangunkan sebagai pembangunan pesisiran sungai melalui integrasi sektor ekonomi, alam sekitar dan reka bentuk bandar. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan keadaan ekonomi daerah dan mempelbagaikan lagi aktiviti di dalam bandar.

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020



Rajah 4
SISTEM RANGKAIAN DAN PERHUBUNGAN DAERAH KUALA KANGSAR

KEPELBAGAIAN PRODUK PELANCONGAN

Daerah Kuala Kangsar mempunyai pelbagai produk pelancongan antaranya pelancongan sejarah (20 produk), pelancongan seni, budaya dan warisan (5 produk), pelancongan akua eko (5 produk), pelancongan agro (3 produk), pelancongan sukan dan rekreasi (8 produk) dan pelancongan pendidikan (8 produk) yang boleh dijadikan sebagai aset utama dalam membangunkan ekonomi daerah. Perancangan jitu perlu disediakan agar aset yang ada dapat dibangunkan secara mampan dan mendatangkan impak yang positif dalam meningkatkan tahap ekonomi daerah.

PENGUKUHAN TAHAP EKONOMI DAERAH


Selain sektor pelancongan, pengukuhan ekonomi Daerah Kuala Kangsar ditumpukan kepada 3 sektor lain iaitu pertanian, komersial dan perindustrian. Sektor pertanian memainkan peranan utama kepada pertumbuhan ekonomi Daerah Kuala Kangsar. Tanah pertanian adalah guna tanah kedua terbesar selepas perhutanan dengan keluasan 74,391.23 hektar (29%) (Jadual 1).

Jadual 1 : Guna Tanah Pertanian Daerah Kuala Kangsar, 2005-2010 (hektar)

Tanaman	2005		2010	
	Hektar	%	Hektar	%
Getah	30,569	45.56	29,247	39.31
Kelapa Sawit	32,922	49.06	33,712	45.32
Padi	312	0.46	424.00	0.57
Lain-Lain Tanaman	3,304	4.92	11,008.23	14.80
Jumlah	67,107	100.00	74,391.23	100.00

Sumber: i. Jabatan Pertanian Negeri Perak, Perangkaan Tanaman 2005.
ii. Sektor Guna Tanah, Kajian RTD Kuala Kangsar, 2010.

Tanaman kelapa sawit dan getah merupakan komoditi utama dengan masing-masing meliputi kawasan seluas 33,712 hektar (45.32%) dan 29,247 hektar (39.31%). Manakala padi sebagai tanaman makanan hanya mempunyai kawasan seluas 424 hektar dan lain-lain tanaman khususnya buah-buahan dan sayur-sayuran meliputi kawasan seluas 11,008.23 hektar. Dari aspek pengeluaran, Daerah Kuala Kangsar merupakan pengeluar utama buah kelapa sawit di Negeri Perak kerana pada tahun 2007, ia menghasilkan sebanyak 567,947 tan metrik berbanding getah 9,580 tan metrik dan padi 862 tan metrik. Selain itu, tanaman buah-buahan turut memainkan peranan utama di mana pada tahun 2009, Daerah Kuala Kangsar menghasilkan sebanyak 5.04 juta kg buah-buahan dengan nilai pengeluaran RM 5.88 juta setahun. Aktiviti penternakan dan perikanan pula merekodkan peningkatan ketara daripada 1.49 juta ternakan pada tahun 2005 kepada 2.15 juta ternakan pada tahun 2009. Pada tahun 2009, hasil ternakan Daerah Kuala Kangsar adalah sebanyak 133 tan metrik yang bernilai RM 0.97 juta. Manakala aktiviti ikan hiasan menghasilkan sebanyak 4.26 juta ekor ikan yang bernilai RM 9.98 juta.



Aktiviti komersial di Daerah Kuala Kangsar bertumpu di koridor perbandaran Sungai Siput (U) – Salak - Kuala Kangsar - Padang Rengas, koridor kecil Kuala Kangsar – Kati - Sauk dan koridor kecil Kuala Kangsar – Jerlun - Manong. Sektor utama komersial yang ditawarkan adalah runcit (43.41%) (Jadual 2). Pembangunan perindustrian pula tertumpu di koridor kecil Kuala Kangsar - Padang Rengas dan koridor kecil Salak - Sungai Siput (U) dengan struktur utama industri tertumpu kepada industri makanan & minuman (13.41%).

Jadual 2 : Taburan Pertubuhan Komersial Mengikut Jenis, Daerah Kuala Kangsar, 2010

Jenis Komersial	BP 1	BP 2	BP 3	BP 4	BP 5	Jumlah	%
Borong	7	3	2	-	-	12	1.14
Runcit	286	82	45	30	15	458	43.41
Hotel & Restoran	91	18	17	9	11	146	13.84
Pembinaan	1	-	-	-	-	1	0.09
Kewangan, Insuran & Hartanah	14	9	-	1	-	24	2.27
Perkhidmatan Sosial & Persendirian	176	71	14	10	6	277	26.26
Pejabat Am	59	15	-	6	3	83	7.87
Bengkel	36	9	5	3	1	54	5.12
Jumlah	670	207	83	59	36	1,055	100.00
%	63.51	19.62	7.87	5.59	3.41	100.00	

Sumber: Jabatan Perlesenan MPKK, 2010.

Daerah Kuala Kangsar juga amat dikenali sebagai pusat industri kraf khususnya industri seramik (labu sayong), industri pandai besi, industri tekat dan industri anyaman yang melibatkan sejumlah 130 pengusaha. Aktiviti kuari dan perlombongan turut memainkan peranan utama kepada pertumbuhan ekonomi Daerah Kuala Kangsar dengan jumlah pengeluaran 6.07 juta tan metrik yang bernilai RM 56.08 juta (30% daripada jumlah pengeluaran Negeri Perak).

KEPERLUAN UNTUK MENINGKATKAN JUMLAH PENDUDUK DAERAH

Daerah Kuala Kangsar mempunyai jumlah penduduk yang rendah berbanding daerah lain. Pada tahun 2010, daerah ini mempunyai seramai 152,590 orang penduduk (6.8% berbanding jumlah penduduk di Negeri Perak). Daerah Kuala Kangsar mengalami kadar penghijrahan keluar penduduk yang tinggi iaitu sebanyak 12% untuk tempoh tahun 2000-2010. Faktor ekonomi dilihat menjadi penyumbang utama berlakunya penghijrahan keluar penduduk daripada daerah ini. Selain itu, peratusan tinggi golongan kanak-kanak dan muda terutama yang masih di peringkat persekolahan telah menyumbang kepada nisbah pergantungan yang tinggi (86%). Majoriti penduduk Daerah Kuala Kangsar berada di dalam kategori tidak aktif untuk menyumbang pertumbuhan ekonomi tempatan. Ini menambahkan lagi keperluan kepada galakan kemasukan penduduk dari luar ke Daerah Kuala Kangsar bagi tujuan meningkatkan tahap ekonomi daerah.

HALA TUJU PEMBANGUNAN

Berdasarkan kepada hala tuju pembangunan, perbincangan bersama pihak berkepentingan di Daerah Kuala Kangsar, isu dan potensi yang dikenalpasti, matlamat pembangunan Daerah Kuala Kangsar adalah:

“Menjadikan Daerah Kuala Kangsar Sebagai Daerah Warisan Berfokuskan Bandar Kuala Kangsar Bandar DiRaja Disokong Oleh Pembangunan Ekonomi Dan Sosial Yang Mampan.”

Pembangunan Daerah Kuala Kangsar sebagai Bandar DiRaja diperkukuhkan melalui 6 teras pembangunan iaitu:

- i. Pembangunan fizikal Daerah Kuala Kangsar terancang dan bestari
- ii. Pembangunan ekonomi berdaya saing berasaskan pelancongan dan pertanian
- iii. Modal insan berkualiti dan masyarakat sejahtera berlandaskan keunggulan pendidikan Daerah Kuala Kangsar
- iv. Pengukuhan imej dan identiti bandar DiRaja Negeri Perak
- v. Pembangunan dan pengurusan alam sekitar mampan berdasarkan aset sedia ada
- vi. Mekanisme pengurusan dan pelaksanaan projek berdaya laksana

Konsep pembangunan (Rajah 5) yang dipilih bagi Daerah Kuala Kangsar adalah “Pengukuhan Pembangunan Secara Bertumpu” dengan hierarki petempatan seperti Jadual 3.


Jadual 3: Pengukuhan Fungsi Mengikut Hierarki Pusat Petempatan

Kawasan		Fungsi Utama	
Hierarki : Pusat Petempatan Utama			
1	Bandar Kuala Kangsar	1.0	Pusat pentadbiran daerah
		2.0	Tumpuan kawasan kediaman utama dan kemudahan masyarakat peringkat daerah
		3.0	Pusat komersial & perkhidmatan bertaraf sederhana & tinggi
		4.0	Pusat perindustrian utama daerah (zon sederhana - produk perkayuan dan makanan halal berasaskan pertanian)
		5.0	Pusat pengajian tinggi
		6.0	Pembangunan Bandar DiRaja Negeri Perak
		7.0	Pintu masuk utama
		8.0	Pusat tarikan pengunjung tempatan & pelancong antarabangsa
2	Bandar Sungai Siput (U)	9.0	Pusat pentadbiran
		10.0	Pusat tumpuan kawasan kediaman dan kemudahan masyarakat
		11.0	Pusat komersial & perkhidmatan bertaraf sederhana & tinggi
		12.0	Pusat perindustrian utama daerah (zon sederhana - produk perkayuan, logam asas, getah dan plastik)
		13.0	Pintu masuk utama melalui pengangkutan darat dari Ipoh (Jalan Persekutuan 1)

Hierarki : Pusat Petempatan Kecil			
1	Padang Rengas	1.0	Pusat komersial dengan fungsi perkhidmatan terhad
		2.0	Penawaran barangan tahap rendah & sederhana
		3.0	Pusat industri zon berat (produk galian bukan logam)
		4.0	Tumpuan institusi pendidikan dan badan kerajaan / separa kerajaan
2	Lubok Merbau	5.0	Pembangunan kawasan kediaman dan kemudahan masyarakat bagi unit keijiran
		6.0	Pusat komersial dengan fungsi perkhidmatan terhad
		7.0	Penawaran barangan tahap rendah & sederhana
3	Manong	8.0	Pembangunan kemudahan masyarakat bagi unit keijiran
		9.0	Pusat komersial dengan fungsi perkhidmatan terhad
		10.0	Penawaran barangan tahap rendah & sederhana
4	Salak-Karai	11.0	Pembangunan kawasan kediaman dan kemudahan masyarakat bagi unit keijiran
		12.0	Pusat komersial dengan fungsi perkhidmatan terhad
		13.0	Penawaran barangan tahap rendah & sederhana
		14.0	Pusat industri ringan (produk perkayuan, getah dan plastik)
5	Sauk	15.0	Pusat komersial dengan fungsi perkhidmatan terhad
		16.0	Penawaran barangan tahap rendah & sederhana
Pusat Pertumbuhan Tempatan			
1	Jerlun	17.0	Pembangunan kawasan kediaman dan kemudahan masyarakat bagi unit keijiran (limpahan pembangunan dari Bandar Kuala Kangsar)
		18.0	Pusat komersial dengan fungsi perkhidmatan terhad
		19.0	Penawaran barangan tahap rendah & sederhana
2	Kati	20.0	Pembangunan kawasan kediaman dan kemudahan masyarakat bagi unit keijiran (impak dari komited Lebuhraya JELAS)
		21.0	Pusat komersial dengan fungsi perkhidmatan terhad
		22.0	Penawaran barangan tahap rendah & sederhana
3	Menora	23.0	Pusat pengajian tinggi
		24.0	Pembangunan kawasan kediaman dan kemudahan masyarakat bagi unit keijiran
		25.0	Pusat komersial dengan fungsi perkhidmatan terhad
4	Simpang Jalong	26.0	Pembangunan kawasan kediaman dan kemudahan masyarakat bagi unit keijiran
		27.0	Pusat komersial dengan fungsi perkhidmatan terhad (hanya untuk perkhidmatan keijiran)
5	Lintang	28.0	Pembangunan kawasan kediaman dan kemudahan masyarakat bagi unit keijiran
		29.0	Pusat komersial dengan fungsi perkhidmatan terhad (hanya untuk perkhidmatan keijiran)
6	Lasah	30.0	Pembangunan kawasan kediaman dan kemudahan masyarakat bagi unit keijiran
		31.0	Pusat komersial dengan fungsi perkhidmatan terhad (hanya untuk perkhidmatan keijiran)
Pusat Pertumbuhan Desa			
1	Senggang	32.0	Pembangunan kemudahan masyarakat bagi unit keijiran
		33.0	Pusat komersial dengan fungsi perkhidmatan terhad (hanya untuk perkhidmatan keijiran)

Sumber: Rancangan Struktur Negeri Perak 2020 dan Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020.

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020



Rajah 5
KONSEP PEMBANGUNAN DAERAH KUALA KANGSAR

PEMBANGUNAN GUNA TANAH 2020

Cadangan zon guna tanah bagi Daerah Kuala Kangsar adalah untuk memperincikan kawalan penggunaan tanah sehingga tahun 2020. Cadangan ini merupakan panduan guna tanah masa hadapan berdasarkan isu dan potensi yang dikenalpasti. Ini akan memudahkan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) dan semua agensi teknikal termasuk pihak swasta / pelabur / pemaju dan individu dalam mengawal / membangunkan Daerah Kuala Kangsar.

Sehingga tahun 2020, guna tanah utama bagi Daerah Kuala Kangsar adalah hutan seluas 160,139 hektar (62.46%) dan pertanian seluas 76,966.65 hektar (30.02%). Guna tanah pertanian yang sebahagian besarnya adalah tanaman kelapa sawit dikekalkan sebagai sumber ekonomi daerah. Guna tanah hutan juga dikekalkan bagi keseimbangan ekologi Daerah Kuala Kangsar dan Negeri Perak.

Guna tanah yang menunjukkan peningkatan adalah perumahan, perindustrian, komersial, tanah lapang dan rekreasi, institusi dan kemudahan masyarakat serta pengangkutan. Jumlah tepubina pada tahun 2020 turut meningkat sebanyak 2.83% berbanding tahun 2011 dengan penumpuan di Bandar Kuala Kangsar, Sungai Siput (U), Jerlun, Padang Rengas, Salak, Sauk dan Lubok Merbau.


Pembangunan kawasan perumahan di Daerah Kuala Kangsar adalah bagi memenuhi keperluan perumahan kos rendah dan mampu milik sehingga tahun 2020. Zon guna tanah yang dicadangkan seluas 5,279 hektar juga turut berpotensi untuk menarik kemasukan pelabur dan ini secara tidak langsung, mampu meningkatkan pembangunan daerah. Dengan adanya pelbagai skim pemilikan rumah yang disarankan oleh pihak kerajaan, diharap dapat menggalakkan lagi kemasukan penduduk dari daerah / negeri lain ke Daerah Kuala Kangsar.

Dari aspek pembangunan komersial, tumpuan aktiviti ini bertumpu di koridor utama Sungai Siput (U)- Salak - Kuala Kangsar - Padang Rengas, koridor kecil Kuala Kangsar - Kati - Sauk dan Kuala Kangsar – Manong dengan jumlah keluasan 263 hektar. Cadangan pengukuhan fungsi komersial mengikut hierarki disediakan di dalam rancangan tempatan ini bagi memudahkan pengkhususan aktiviti komersial dijalankan.

Pembangunan sektor industri masa hadapan Daerah Kuala Kangsar pula bertumpu di koridor Sungai Siput (U) - Salak - Kuala Kangsar - Padang Rengas dengan keluasan 821 hektar. Sepanjang tempoh perancangan, pembangunan industri daerah didorong oleh faktor limpahan kepesatan industri dari Lembah Kinta dan Larut Matang di samping pembangunan projek Lebuhraya JELAS. Bagi memantapkan aktiviti industri, pengukuhan aktiviti di kawasan industri sedia ada perlu dilakukan dengan kaedah in-fill. Industri yang diberi keutamaan adalah industri makanan, perabot, getah, plastik, logam asas dan galian bukan logam.


Di dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti hidup penduduk, pengukuhan institusi kerajaan, penyediaan kemudahan masyarakat, tanah lapang dan rekreasi ditambah baik secara efisien agar dapat dinikmati oleh penduduk. Begitu juga di kawasan petempatan masyarakat Orang Asli, segala kemudahan disediakan dan ditambah baik agar dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan berkualiti. Perincian cadangan zon guna tanah Daerah Kuala Kangsar sehingga tahun 2020 adalah seperti Rajah 6 hingga Rajah 11.

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020



Rajah 6
GUNA TANAH 2020 DAERAH KUALA KANGSAR


RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020



Rajah 7

GUNA TANAH 2020 BLOK PERANCANGAN 1 : KOTA LAMA KANAN, KOTA LAMA KIRI DAN SAYONG

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020



Rajah 8

GUNA TANAH 2020 BLOK PERANCANGAN 2 : SUNGAI SIPUT (U)

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020



Skala 1 : 95,000

Daerah Larut Matang

Jenis Guna Tanah	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Tepubina		
Perumahan	319.60	1.72
Perindustrian	268.72	1.45
Komersial	55.82	0.30
Tanah Lapang dan Rekreasi	3.73	0.03
Institusi & Kemudahan Masyarakat	103.23	0.56
Pengangkutan	629.90	3.40
Infrastruktur & Utiliti	19.60	0.10
Jumlah	1,400.60	7.56
Bukan Tepubina		
Pertanian	7,515.03	40.54
Penternakan & Akuakultur	4.04	0.04
Tanah Kosong	-	-
Hutan	9,519.13	51.35
Badan Air	98.63	0.51
Jumlah	17,136.83	92.44
Jumlah Keseluruhan	18,537.43	100.00

Rajah 9

GUNA TANAH 2020 BLOK PERANCANGAN 3 : KAMPUNG BUAYA DAN LUBOK MERBAU

PETUNJUK :

Guna Tanah


Perumahan	Pertanian
Industri	Tanah Lapang dan Rekreasi
Komersial	Hutan
Kemudahan Pendidikan	Badan Air
Kemudahan Kesihatan	Infrastruktur dan Utiliti
Kemudahan Keagamaan	Pengangkutan
Kemudahan Perkuburan	
Kemudahan Keselamatan	
Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun	
Lain - Lain Kemudahan	

Lain - Lain

Bandar / Pekan	Laluan Keretapi
Lebuhraya Utara Selatan	Talian Rents
Jalan Persekutuan	Sempadan Daerah Kuala Kangsar
Jalan Negeri	Sempadan Blok Perancangan
Cadangan Jalan Persekutuan / Negeri	

Sumber : Rajen RT Daerah Kuala Kangsar 2020

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020



Rajah 10

GUNA TANAH 2020 BLOK PERANCANGAN 4 : SENGGANG


RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020

Jenis Guna Tanah	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Tepubina		
Perumahan	400.26	0.56
Perindustrian	61.18	0.09
Komersial	13.20	0.03
Tanah Lapang dan Rekreasi	18.42	0.03
Institusi & Kemudahan Masyarakat	181.26	0.25
Pengangkutan	1,350.61	1.89
Infrastruktur & Utiliti	130.83	0.18
Jumlah	2,155.76	3.03
Bukan Tepubina		
Pertanian	22,250.70	31.25
Penternakan & Akuakultur	330.74	0.46
Tanah Kosong	14.81	0.04
Hutan	43,702.14	61.38
Badan Air	2,740.21	3.84
Jumlah	69,038.60	96.97
Jumlah Keseluruhan	71,194.36	100.00



Skala 1 : 150,000

Daerah
Hulu Perak



PETUNJUK :

Guna Tanah

- Perumahan
- Industri
- Komersial
- Kemudahan Pendidikan
- Kemudahan Kesihatan
- Kemudahan Keagamaan
- Kemudahan Perkhidmatan
- Kemudahan Keselamatan
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun
- Lain - Lain Kemudahan
- Pertanian
- Penternakan dan Akuakultur
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Tanah Kosong
- Hutan
- Badan Air
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pengangkutan

Lain - Lain

- Bandar / Pekan
- Lebuhraya JELAS (Komited)
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Cadangan Jalan Persekutuan / Negeri
- Cadangan Naik Taraf Jalan
- Laluan Keretapi
- Talian Rentis
- Sempadan Daerah Kuala Kangsar
- Sempadan Blok Perancangan

Sumber : Kajian Rancangan Kuala Kangsar 2020

Rajah 11

GUNA TANAH 2020 BLOK PERANCANGAN 5 : CHEGAR GALAH DAN PULAU KAMIRI

PROJEK PEMANGKIN


Bagi mencapai matlamat pembangunan Daerah Kuala Kangsar, 8 projek pemangkin telah disediakan dengan perincian seperti berikut:

CADANGAN PEMBAHARUAN SEMULA RUANG BANDAR KUALA KANGSAR BAGI PENGUKUHAN IMEJ SEBAGAI BANDAR DIRAJA NEGERI PERAK

Bandar Kuala Kangsar merupakan sebuah Bandar DiRaja Negeri Perak yang bersejarah dan mempunyai kelebihan kerana terletak di pinggir Sg. Perak. Terdapat banyak bangunan lama di bandar ini yang berpotensi untuk dibangunkan secara efisien bagi tujuan meningkatkan kualiti imej dan reka bentuk sedia ada sebagai tarikan kepada kemasukan pelancong, pelabur dan juga penduduk dari daerah lain. Sehubungan itu, projek pemangkin pertama bagi Daerah Kuala Kangsar yang menjadi nadi kepada peningkatan imej dan identiti daerah ini adalah cadangan pembaharuan semula ruang di Bandar Kuala Kangsar dengan jumlah keluasan 60.24 hektar.

Penguksahan Imej Jalan Protokol (bermula dari Persimpangan PLUS di Talang sehingga ke Bukit Chandan)

- Papan tanda Bandar Diraja
- Pencerayaan
- Pintu gerbang utama
- Landskap bertema
- Laluan pejalan kaki
- Perabot jalan Bandar Diraja




Cadangan naiktaraf kepada 132 kaki (konfigurasi 3-lorong 2-hala) bermula dari persimpangan lebuh raya PLUS – Talang ke persimpangan Hospital Daerah Kuala Kangsar (Jalan Tun Razak)

Cadangan naiktaraf kepada 100 kaki (konfigurasi 2-lorong 2-hala) bermula dari persimpangan Hospital Daerah Kuala Kangsar (Jalan Tun Razak) ke bulatan Jalan Taiping (menara jam besar)


Pembaharuan Semula Kawasan Sekitar Medan Lembah, Pekan Baru dan Sg. Kangsar

Cadangan ini disediakan bertujuan memperkukuhkan imej Bandar DiRaja, menggalakkan pembangunan ekonomi yang lebih praktikal dan menguntungkan serta mengukuhkan peranan Bandar Kuala Kangsar sebagai pusat pelancongan antarabangsa. Komponen pembangunan bagi cadangan ini adalah:



Komponen cadangan pembaharuan semula kawasan sekitar Medan Lembah

- Gelanggang Rakyat
- Bazaar Square Arena
- Medan Selera Kuala Kangsar
- TLK Berpusat
- Jeti Bot Penumpang
- Kangsar Boulevard
- Pusat Komersial
- Kangsar Boardwalk
- Pusat Interpretif Setempat
- Dataran "LEMBAH"
- Hotel
- Pelantar Pandang




Bazaar Square Arena




Pusat Interpretif




Medan Selera Kuala Kangsar



Jeti bot penambang



Kangsar Boardwalk



Kangsar Boulevard




Komponen cadangan pembaharuan semula kawasan sekitar Pekan Baru dan Sg. Kangsar

- Pusat Komersial
- Dataran Kangsar
- TLK Berpusat
- Pelantar Benteng
- Medan Selera Benteng Sg. Kangsar
- Taman Rekreasi Sg. Kangsar
- Pedestrian Mall
- Street Bazaar / Pasar Malam
- Pemeliharaan Bangunan (Fasad Rumah Kedai Lama)



Pedestrian Mall




Komponen cadangan pembangunan semula kawasan padi di Jalan Dato' Sagor

- Terminal bas dan teksi
- Arked niaga, rumah kedai, kedai pejabat
- Hotel 3, 4 atau 5 bintang
- Pasar awam

CADANGAN ZON WARISAN PENDIDIKAN

Bangunan 'Big School', MCKK telah tersenarai sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan, Jabatan Warisan Negara. Bagi tujuan pengekalan imej dan identiti di sekitar MCKK dan sebagai tarikan utama di Daerah Kuala Kangsar, zon warisan pendidikan dicadangkan di seluruh kawasan MCKK, Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford (termasuk kawasan padang), Menara Pavillion dan Bangunan Hospital Pertama. Dengan adanya zon warisan ini, imej dan identiti serta reka bentuk sedia ada dapat dikekalkan dan mengukuhkan lagi fungsi sebagai warisan pendidikan di Daerah Kuala Kangsar.



CADANGAN PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN KOMPREHENSIF DAERAH KUALA KANGSAR



Projek Pemangkin 3 bagi Daerah Kuala Kangsar adalah mewujudkan Pelan Tindakan Pembangunan Pelancongan Komprehensif. Pengurusan pelancongan yang terancang dan sistematik diperlukan dalam memastikan pembangunan pelancongan dapat digembeling dengan efisien. Inisiatif yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- i. Mewujudkan Badan Pelancongan Kuala Kangsar (BPKK) yang menjalankan kerja-kerja promosi, menguruskan kemasukan pelancong, membangunkan produk, melatih pemandu pelancong dan lain-lain berkaitan pelancongan daerah.
- ii. Penambahan bilangan bilik penginapan melalui pembangunan bangunan terbiar / usang sebagai rumah tetamu (guesthouse) atau boutique hotel, inap desa, hotel 3, 4 atau 5 bintang di Bandar Kuala Kangsar.
- iii. Naiktaraf perkhidmatan pemandu pelancong agar berpengetahuan luas dan berkomunikasi dengan baik.

iv. Pembinaan pusat penerangan pelancongan / pusat interpretif bertujuan untuk memberi penjelasan terperinci (secara interaktif dan multimedia) kepada pelancong dan generasi muda mengenai warisan dan kebudayaan Daerah Kuala Kangsar yang unik.

v. Peningkatan kemudahan prasarana pelancongan

vi. Menambahbaik promosi pelancongan sedia ada


vii. Penyediaan Kuala Kangsar 'Royal Card' Sistem kad yang mempunyai pakej untuk memasuki muzium, tempat letak kereta, menggunakan pengangkutan awam dan restoran untuk memudahkan pelancong domestik dan antarabangsa.

viii. Mempelbagaikan aktiviti pelancongan tahunan

ix. Memulih dan memelihara Sg. Perak dan aktiviti-aktiviti berkaitan berdasarkan tema River of Life

x. Menggalakkan inovasi dan permodenan industri kraftangan


xi. Mewujudkan pakej pelancongan berasaskan warisan, sejarah, kraf dan produk semulajadi yang menarik.



CADANGAN PEMBANGUNAN BANDAR UNIVERSITI DI MENORA


Bagi mengembalikan sejarah Kuala Kangsar sebagai pusat ilmu, sebuah universiti dicadangkan untuk dibangunkan di daerah ini. Universiti tersebut mempunyai keunikannya yang tersendiri dengan menawarkan bidang pengajian berasaskan sumberjaya tempatan seperti bidang perhutanan, pertanian, penternakan, herba, arkeologi, pelancongan, perhotelan dan sebagainya. Justifikasi pembangunan bagi cadangan ini adalah:

- Sumberjaya tempatan yang pelbagai sesuai untuk diterokai dari aspek pendidikan
- Kesediaan tanah milik kerajaan yang bersaiz besar
- Menjadi nukleus kepada pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal Daerah Kuala Kangsar
- Menggalakkan pertumbuhan bilangan penduduk



CADANGAN TAMAN WILAYAH ULU KENAS

Kawasan semula jadi yang indah di Ulu Kenas ini sangat berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan rekreasi. Pengunjung yang kali pertama ke sini sangat terpegun dengan alam sekitar di tempat ini. Oleh sebab daya tarikannya, adalah dicadangkan kawasan ini dijadikan sebuah taman wilayah untuk Daerah Kuala Kangsar. Taman Wilayah ini bertemakan bunga-bunga dan pokok-pokok di Malaysia seperti bunga raya, orkid dan lain-lain bunga yang indah.



CADANGAN TAMAN HERBA BUKIT PAYUNG

Hutan Bukit Payung di BP1 merupakan mercu tanda alam semula jadi yang memerlukan pemeliharaan. Persekitarannya yang asli dan masih terpelihara dengan pelbagai flora dan fauna menjadikan kawasan ini sesuai untuk rekreasi dan pembelajaran, di samping menjadi tarikan pelancong. Selaras dengan kepentingan ini, sebuah taman herba dicadangkan di lereng Bukit Payung. Kawasan ini telah dicadangkan sebagai satu tempat Taman Herba dan Pusat Herbarium di Pelan Induk Landskap Kuala Kangsar 2007. Memandangkan ia merupakan kawasan hutan, pemeliharaannya adalah penting. Cadangan untuk menjadikan pinggirannya sebagai Taman Herba berupaya komplimen kawasan ini serta menjadi daya penarikan pelancong. Komponen cadangan yang akan dibangunkan di Taman Herba Bukit Payung ini adalah taman herba, pusat penyelidikan, pusat pelawat, kemudahan chalet, restoran dan spa berasaskan herba, surau dan tandas awam serta tempat letak kereta.

CADANGAN PENYEDIAAN RANCANGAN KAWASAN KHAS

Terdapat 2 rancangan kawasan khas (RKK) dicadangkan untuk disediakan. RKK disediakan berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan dalam subseksyen 16B (1), (2) dan (3), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). RKK ini disediakan bertujuan untuk mempercepatkan perancangan yang terperinci bagi sesebuah kawasan yang mempunyai kepentingan dan karektor tertentu yang perlu dipelihara atau dikawalselia seperti kawasan yang kaya dengan nilai sejarah, warisan dan budaya. Hasil utama RKK ialah satu Pelan Tindakan Pembangunan yang disediakan dalam bentuk Pelan Pengurusan yang disokong oleh spesifikasi. RKK yang dicadangkan di dalam RT ini adalah:

- i. Rancangan Kawasan Khas Pembaharuan Semula Ruang Bandar Kuala Kangsar Bagi Pengukuhan Imej Sebagai Bandar DiRaja Negeri Perak
- ii. Rancangan Kawasan Khas Pembangunan Pelancongan Diraja dan Warisan Daerah Kuala Kangsar

CADANGAN PERLUASAN KAWASAN PENTADBIRAN MPKK

Berdasarkan kepada keadaan sedia ada, keluasan kawasan pentadbiran MPKK adalah seluas 20,400 hektar yang hanya meliputi 8% daripada keluasan Daerah Kuala Kangsar. Bagi memastikan pelaksanaan RT ini berjalan dengan lancar dan seiring dengan perkembangan pembangunan, cadangan perluasan kawasan pentadbiran MPKK adalah perlu. Melalui perluasan kawasan pentadbiran ini, secara tidak langsung akan menjana peningkatan pendapatan MPKK terutama dari pungutan cukai taksiran untuk kawasan perumahan, perdagangan dan perindustrian. Ini juga adalah untuk memastikan supaya pihak MPKK mendapat faedah daripada pembangunan tersebut. Selain itu, peruntukan Akta 171, 172 dan 133 juga dapat dikuatkuasakan di seluruh daerah. Berdasarkan kepada potensi pembangunan masa hadapan Daerah Kuala Kangsar, perluasan kawasan pentadbiran MPKK dibahagikan kepada 2 fasa (Rajah 12) iaitu :

Fasa 1 (tahun 2012 – 2016) : Meliputi keseluruhan kawasan cadangan tepubina tahun 2020 seperti di dalam RT serta kawasan berhampiran cadangan tepubina.

Fasa 2 (selepas tahun 2017) : Meliputi keseluruhan Daerah Kuala Kangsar.


LAIN-LAIN CADANGAN PEMBANGUNAN

Selain 8 projek pemangkin, terdapat 88 lagi cadangan projek dan program yang dicadangkan di dalam RT Daerah Kuala Kangsar 2020. Cadangan ini disediakan mengikut teras pembangunan dan antara cadangan utama yang memberi kesan terhadap pembangunan ekonomi, fizikal dan sosial daerah adalah seperti berikut:

CADANGAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN PENGURUSAN LALULINTAS

Penyediaan sistem pengangkutan dan jaringan lalulintas yang efisien merupakan elemen pembangunan yang penting dalam memajukan sesebuah kawasan. Bagi tujuan meningkatkan pembangunan ekonomi, fizikal dan sosial daerah, 7 cadangan jalan baru disediakan seperti berikut:

- i. **Jalan Pintasan Bandar Kuala Kangsar (Utara) dari JP1 ke JP76** yang bermula berhampiran Jambatan Sultan Abdul Jalil sehingga ke Lubok Merbau (berhampiran dengan cadangan Kompleks Sukan Daerah Kuala Kangsar) sepanjang 5.6 km. Cadangan melibatkan penyediaan jalan 30 meter dengan konfigurasi 2-lorong 2-hala dan boleh dipertingkatkan kepada 3 lorong.
- ii. **Jalan Pintasan Bandar Kuala Kangsar (Selatan) dari A3 ke JP1** yang bermula dari persimpangan di Jerlun sehingga ke persimpangan berlampu isyarat di Taman Bunga Raya sepanjang 4 km. Cadangan melibatkan penyediaan jalan 30 meter dengan konfigurasi 2-lorong 2-hala dan boleh dipertingkatkan kepada 3 lorong.
- iii. **Jalan Baru Kuala Kangsar – Ipoh dari Manong (Jalan A3) ke Menglembu** melalui Lebuhraya Ipoh – Lumut (E19) yang bermula dari Pekan Manong – Kg. Seberang Manong – Kg. Bekor – Menglembu (Ipoh) sepanjang 16.3 km. Cadangan melibatkan penyediaan jalan 30 meter dengan konfigurasi 2-lorong 2-hala
- iv. **Jalan Baru dari A159 Berhampiran Kg. Intan Suraya ke Bukit Sapi (Daerah Hulu Perak)** sepanjang 4.7km yang melibatkan penyediaan jalan 20 meter dengan konfigurasi 1-lorong 1-hala sepanjang 1.0 km
- v. **Persimpangan Baru Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) di Menora** yang melibatkan penyediaan persimpangan ‘trumpet’ dan jalan susur sepanjang 1.5 km.
- vi. **Jalan dari Jambatan Sultan Abdul Jalil ke Sungai Siput** sepanjang 9.5 km yang melibatkan penyediaan jalan 20m dengan konfigurasi 2-lorong 1-hala.
- vii. **Jalan dan Jambatan ke Perkampungan Orang Asli** yang bermula dari Kg. Bawong (Pos Chenein) – Kg. Beswok (Pos Yum) – Kg. Kuala Mu (Pos Kuala Mu) sepanjang 62.3 km. cadangan ini melibatkan penyediaan jalan 20m dengan konfigurasi 1-lorong 1-hala dan penyediaan lampu jalan solar.



Selain jalan baru, cadangan naiktaraf jalan disediakan bagi meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pengguna. Berdasarkan perancangan masa hadapan, jaringan jalan yang dikenalpasti berada di tahap yang lemah / tidak mampu menampung permintaan pembangunan masa hadapan perlu dinaiktaraf. Dengan adanya cadangan pelebaran dan pembaikan jaringan jalan ini, diharap dapat menyokong kepada pembangunan daerah secara keseluruhannya. Terdapat 4 cadangan naiktaraf jalan dan 2 cadangan pengurusan lalulintas di daerah ini iaitu:


i. **Naiktaraf Jalan A154 dari Pekan Manong ke Kg. Semat (Sempadan Daerah)** sepanjang 6.5km dengan pelebaran jalan kepada 20m dengan konfigurasi 2-lorong 1-hala.

ii. **Naiktaraf Persimpangan di Bandar Kuala Kangsar** dengan pembinaan jejambat untuk laluan Talang - Pusat Bandar di persimpangan Hospital Kuala Kangsar

iii. **Naiktaraf Kemudahan Pengangkutan Awam** dengan menyedia dan meningkatkan tahap kemudahan bas dan teksi ke kawasan perkampungan / pekan kecil / destinasi pelancongan utama seperti Bukit Chandan, Kg. Padang Changkat, Kg. Sayong, Hutan Lipur Ulu Kenas dan lain-lain.

iv. **Naiktaraf Jalan di Kawasan Kampung** melalui penyediaan jalan berturap dan ruang menunggu bagi tujuan kelancaran perjalanan. Kampung yang terlibat adalah:

- BP1 : Kg. Kandang Hulu, Kg. Periang, Kg. Bukit Lada
- BP2 : Kg. Sg. Sejuk
- BP3 : Kg. Kuala Dal, Kg. Lubok Merbau
- BP4 : Kg. Laneh, Kg. Guar, Kg. Bekor
- BP5 : Kg. Ngor, Kg. Chuar Hulu, Kg. Temin, Kg. Trosor



v. **Pembinaan Terminal Bas dan Teksi Baru di Bandar Kuala Kangsar** di Jalan Dato' Sagor bersebelahan Kelab Golf Kuala Kangsar dengan keluasan 1.12 hektar

vi. **Pengurusan Lalulintas di Jalan Persekutuan 1 (JP1) di Bandar Sungai Siput (U)** yang sesak akibat terdapat terlalu banyak persimpangan dan lampu isyarat




Cadangan jejambat di Jalan Persekutuan 1 di hadapan Jalan Negeri A19

Cadangan jejambat di hadapan simpang Jalan Stesen

Cadangan jejambat di hadapan Jalan Masjid Al-Ghufraniah

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2020



Rajah 13


SISTEM RANGKAIAN DAN PERHUBUNGAN 2020 DAERAH KUALA KANGSAR

CADANGAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI BESTARI


Terdapat 2 cadangan utama infrastruktur dan utiliti di Daerah Kuala Kangsar iaitu :

i. Cadangan Loji Rawatan Berpusat

Kini terdapat 143 buah loji di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan 96 buah loji ini adalah dari jenis communal septic tank (CST). Secara am, sistem yang digunakan masih lagi merupakan sistem lama walaupun terdapat penggunaan sistem mekanikal yang mampu mengendali dengan lebih berkesan termasuk dari segi kawalan kualiti efluen. Kapasiti keseluruhan ialah sebanyak 62,183 PE. Jumlah ini hanya mampu menampung 40% keperluan keseluruhan penduduk daerah. Langkah mengadakan loji rawatan berpusat (regional STP) akan memberi manfaat kepada penduduk. Sehubungan itu, terdapat 2 lokasi yang telah dicadangkan untuk penyediaan Loji Rawatan Berpusat iaitu di Bandar Kuala Kangsar (berhampiran Jerlun) dan di Bandar Sungai Siput (U).



Lokasi STP di Jerlun, Kuala Kangsar



Lokasi STP di Sungai Siput (U)

ii. Cadangan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari

Tapak pelupusan sedia ada di Salak Baru menerima anggaran 220 tan sampah sehari dan tidak mempunyai sebarang kaedah pengawalan alam sekitar. Tapak pelupusan sedia ada menjalankan kaedah pelupusan secara terbuka dan mendatangkan kesan negatif terhadap alam sekitar. Lokasi yang berada di jalan utama iaitu di Jalan Persekutuan 1 menyebabkan tapak pelupusan sedia ada mengalami tekanan pembangunan dan perlu dipindahkan ke lokasi yang lebih sesuai mengikut piawaian demi persekitaran dan kualiti hidup yang lebih baik. Persekitaran tapak sedia ada juga telah dicadangkan sebagai kawasan pembangunan. Tapak pelupusan sedia ada ini juga mengamalkan pembuangan terbuka (open dumping) dan tidak memenuhi ciri-ciri tapak pelupusan sanitari yang menyumbang terhadap pemeliharaan alam sekitar. Sehubungan itu, dicadangkan agar tapak pelupusan sedia ada ditutup dan dipulihkan semula untuk kegunaan yang dibenarkan. Sebuah tapak pelupusan sisa pepejal baru dicadangkan di Mukim Senggang dengan melaksanakan kaedah sanitari mengikut piawaian ditetapkan. Cadangan tapak pelupusan ini perlulah menggunakan kaedah pelupusan terbaik bagi memastikan pencemaran alam sekitar dapat dielakkan.



Tapak pelupusan di Lot 10192 (457 ekar)

CADANGAN PENGUKUHAN EKONOMI DAERAH

Dalam usaha membangunkan ekonomi daerah agar mampu berdaya saing, cadangan pengukuhan ekonomi berasaskan pertanian, perdagangan dan perindustrian disediakan seperti berikut:

i. **Peningkatan Produktiviti Tanaman Pertanian** yang merangkumi jenis tanaman berikut:

Kelapa sawit	1.0 Meningkatkan produktiviti tanaman kelapa sawit (FFB) kepada 35 tan sehektar
	2.0 Meningkatkan kadar perahan minyak (OER) kepada 25 peratus.
	3.0 Meningkatkan nisbah pekerja : keluasan kepada 1:10
Getah	4.0 Meningkatkan produktiviti tanaman getah dari 1,300 kilogram sehektar setahun kepada 1,800 kilogram sehektar setahun
	5.0 Meningkatkan nisbah pekerja : keluasan kepada 1:6
Padi	6.0 Peningkatan sistem pengairan dan saliran
	7.0 Meningkatkan produktiviti tanaman padi dari 5 tan sehektar semusim kepada 10 tan sehektar semusim
	8.0 Meningkatkan nisbah petani : kawasan kepada 1:6
Buah-buahan	9.0 Meningkatkan produktiviti tanaman buah-buahan dari 4.8 tan sehektar semusim kepada 7.5 tan sehektar semusim
Sayur-sayuran	10.0 Meningkatkan produktiviti tanaman sayur-sayuran dari 12.1 tan sehektar semusim kepada 15 tan sehektar semusim


ii. **Pembangunan Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Hasil Pertanian** di Bandar Kuala Kangsar dan Bandar Sungai Siput (U) bagi memudahkan petani, penternak haiwan dan penternak ikan membawa hasil pengeluaran mereka untuk dijual secara terus. Pengusaha industri hiliran pertanian juga boleh memasarkan produk mereka di sini.

iii. **Projek Integrasi Pertanian dan Penternakan** di ladang kelapa sawit.

iv. **Projek Zon Ternakan Lembu Tenusu** di kawasan ternakan lembu tenusu sedia ada dan baru khususnya di Sungai Siput (U).

v. **Memperluaskan Ternakan Akuakultur** di Zon Industri Akuakultur Tasik Chenderoh, perairan Sg. Perak, bekas lombong, tanah-tanah pertanian yang sesuai, kawasan berpaya dan kawasan ternakan akuakultur sedia ada.

vi. **Perluasan Kawasan Komersial, Bandar Sungai Siput (U)** bertujuan mengukuhkan peranan Bandar Sungai Siput (U) sebagai pusat komersial yang menawarkan barangan dan perkhidmatan bertaraf sederhana.




Zon komersial di Bandar Sungai Siput (U)

vii. **Perluasan Kawasan Komersial Pekan Padang Rengas** mengukuhkan peranan Pekan Padang Rengas sebagai pusat komersial utama selaras dengan tarafnya sebagai Pusat Petempatan Kecil. Perluasan ini akan memberi tarikan baru kepada pelabur dan penduduk tempatan di BP 3 khususnya penawaran pelbagai barangan dan perkhidmatan yang diperlukan.

viii. **Perluasan Kawasan Komersial Pekan Manong** bertujuan bagi menempatkan pelbagai kemudahan komersial dan perkhidmatan yang diperlukan oleh penduduk tempatan. Cadangan pembangunan ini dijangka akan mengukuhkan peranan Pekan Manong sebagai pusat komersial utama di bahagian selatan Daerah Kuala Kangsar.

ix. **Perluasan Kawasan Komersial Pekan Sauk** ini dijangka akan berkembang selaras dengan pertambahan penduduk dan limpahan pembangunan daripada pelaksanaan projek Lebuh raya JELAS. Ia bertujuan bagi menempatkan pelbagai kemudahan komersial dan kemudahan sokongan di kawasan baru tersebut.



Zon komersial di Pekan Padang Rengas



Zon komersial di Pekan Manong



Zon komersial di Pekan Sauk

x. **Pembangunan Isi Penuh Lot Industri Yang Belum Diduduki** iaitu di Kawasan Perindustrian Kuala Kangsar dan Kawasan Perindustrian Sungai Siput Fasa III.

xi. **Inovasi kraf perak di Sayong** - Daerah Kuala Kangsar amat terkenal dengan perusahaan kraf tempatan khususnya produk labu sayong, industri tekat, industri pandai besi dan industri anyaman. Ia melibatkan sejumlah 130 pengusaha dengan tumpuan utama di BP 1 dan BP 3. Kewujudan industri kraf ini telah berjaya menarik ramai pengunjung dan pelancong ke Daerah Kuala Kangsar. Justeru, bagi mengukuhkan aktiviti industri kraf secara komersil dan mampu dipasarkan ke peringkat wilayah dan antarabangsa, adalah dicadangkan kawasan industri terancang dibangunkan bagi memusatkan aktiviti industri kraf sedia ada dan masa hadapan. Cadangan Inovasi Kraf Perak di Sayong bertujuan bagi memusat dan mengukuhkan aktiviti industri kraf sedia ada. Ia perlu dilaksanakan secara formal dan komersial bagi meningkatkan kualiti produk setanding dengan produk IKS lain berasaskan konsep 'Amalan Pembuatan Terbaik'.



Produk labu sayong dan pandai besi : parang

CADANGAN PENGUKUHAN IMEJ DAN IDENTITI BANDAR DIRAJA

Bagi tujuan mengukuhkan imej dan identiti Bandar Diraja di keseluruhan daerah, terdapat beberapa cadangan naiktaraf bandar dan pekan serta cadangan pemuliharaan bangunan warisan disediakan seperti berikut:

i. **Cadangan Naiktaraf Bandar Sungai Siput** dengan penyediaan komponen pembangunan seperti berikut:

- Pembangunan semula rumah kedai usang
- Kawasan rekreasi
- Fasad rumah kedai lama
- Stesen bas dan teksis
- Landskap dan laluan pejalan kaki
- Pintu gerbang
- Pengindahan jalan utama

ii. **Cadangan Naiktaraf Pekan Manong** dengan penyediaan komponen pembangunan seperti berikut:

- Jeti bot penumpang
- Elemen perabot jalan
- Kawasan rekreasi / hijau
- Pembangunan semula dan pemuliharaan
- Manong 'boardwalk'
- Restoran / pusat kraftangan

iii. **Cadangan Naiktaraf Pekan Kati** dengan penyediaan komponen pembangunan seperti berikut:

- Penstrukturan semula bangunan rumah kedai usang
- Penyediaan perabot jalan
- Laluan pejalan kaki
- Pengindahan landskap

Bandar Sungai Siput (U)

DERETAN RUMAH KEDAI 01

- Deretan rumah kedai warisan dkekalkan dan dipulihara bagi mengekalkan struktur asal
- Imej sedia ada dapat dkekalkan dan menjadi salah satu tarikan kawasan
- Keseragaman struktur bangunan dan tema warna lembut bagi bangunan kedai warisan
- Lokasi berhampiran Jalan Besar

STESEN BAS DAN TEKSI 07

- Pusat perhentian bas dan tumpuan orang ramai sama ada ke Ipoh atau Kuala Kangsar
- Kemudahan yang lengkap dan kedudukan yang jauh dari pusat bandar yang sesak
- Menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan sekitar selain menjadi kawasan perumahan

PINTU MASUK 06

- Cadangan pintu masuk dari arah Laeah – mewujudkan "sense of welcoming" yang jelas dan menunjukkan sempadan kawasan
- Bertema dan bercirikan "Bandar Diraja"
- Berwarna terang dan mudah dilihat

JALAN UTAMA 02

- Penggunaan elemen perabot jalan yang menunjukkan ciri-ciri "Bandar Warisan di Raja"
- Larangan meletakkan kenderaan berjadual bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan utama yang sempit
- Jalan terlibat adalah Jalan Besar (1) dan Jalan A19

PEMBANGUNAN SEMULA 03

- Deretan rumah kedai usang dan lama dibina semula dengan struktur yang lebih baik- berhampiran Jalan A19
- Memberi imej visual yang lebih menarik
- Tema senibina bangunan warisan bagi mewujudkan suasana bertema Bandar Diraja

KAWASAN REKREASI 04

- Taman Bandaran – kemudahan rekreasi dalam bandar
- Penguatkuasaan fungsi taman – tempat untuk masyarakat melakukan aktiviti bersukan, beriadah dan sebagainya

LANDSKAP & LALUAN PEJALAN KAKI 05

- Pengindahan jalan-jalan utama dengan elemen lanskap dan laluan pejalan kaki yang menyeluruh iaitu di Jalan Besar (1) dan Jalan A19
- Laluan pejalan kaki yang selamat dan diliputi pokok teduhan akan menambah lagi keberkesanan penyediaan laluan pejalan kaki
- Elemen lanskap dalam bandar dapat memberi kesegaran suasana bandar

JETI BOT PENAMBANG 01

- Pembinaan jeti bot penumpang
- Menerapkan elemen senibina Melayu Perak – menonjolkan karektor kawasan
- Struktur yang lebih menarik dan kukuh

PERABOT JALAN 02

- Mestilah jelas menunjukkan/mengikuti ciri dan tema pembangunan iaitu Bandar Warisan atau melambangkan keadaan kawasan
- Penggunaan warna yang sesuai dan mudah dilihat dengan jelas contoh:
 - warna hitam, kuning keemasan dan putih yang merujuk kepada bendera Negeri Perak
- Mempunyai jata negeri, lambang Diraja dan jata MPKK yang diletakkan pada tempat yang sesuai
- Contoh-contoh perabot jalan:
 - *Bollard*
 - Lampu (Jalan/Pejalan Kaki)
 - Bangku
 - Papan Tanda
 - Tong Sampah

KAWASAN REKREASI / HIJAU 03

- Kawasan tanah terbari di sepanjang Sg. Perak dibangunkan dengan kawasan rekreasi
- Merupakan tempat untuk aktiviti masyarakat untuk beriadah dan melakukan aktiviti sihat
- Elemen-elemen yang disediakan termasuk:
 - Lanskap lembut dan kejur yang menarik serta berkesan seperti pokok teduhan, pergola, laluan pejalan kaki/basikal, air pancut, gazebo, lampu, *bollard* dan bangku
 - kemudahan khas seperti tandas dan bilik persalinan
- kawasan pemiagaan seperti medan selera atau kiosk kraftangan
- Cadangan jeti dan bot penumpang – Bot ulang-alik dari Bandar Kuala selain dapat melihat keindahan Sungai Perak
- Elemen pencahayaan bagi meningkatkan mutu visual pesisiran Sungai Perak pada waktu malam khususnya

MANONG BOARDWALK 05

- Cadangan laluan di sepanjang pesisir Sungai Perak yang indah
- Selebar 15 kaki dan menjadi tempat masyarakat untuk melihat keindahan Sungai Perak

PEMBANGUNAN SEMULA 04

- Pembinaan bangunan rumah kedai baru (44 unit) – struktur lebih teguh dan menarik bagi menggantikan struktur asal
- Mempunyai ciri-ciri rumah kedai warisan seperti yang terdapat di Bandar Kuala Kangsar
- Pengawalan ketinggian bangunan, penggunaan warna bangunan dan fasad yang tidak menghalang oleh papan iklan yang terlalu besar

iv. **Cadangan Naiktaraf Pekan Karai** dengan penyediaan komponen pembangunan seperti berikut:


- Karai Boardwalk
- Pengekalan dan Pemuliharaan
- Elemen Perabot Jalan
- Jeti Bot Penumpang
- Restoran Terapung / Pusat Kraftangan
- Kawasan Rekreasi / Hijau

v. **Cadangan Naiktaraf Pekan Sauk** dengan penyediaan komponen pembangunan seperti berikut:


- Penstrukturan semula bangunan rumah kedai usang (50 unit)
- Penyediaan perabot jalan
- Laluan pejalan kaki
- Pengindahan landskap

vi. **Cadangan Naiktaraf Pekan Padang Rengas** dengan penyediaan komponen pembangunan seperti berikut:

- Penstrukturan semula bangunan rumah kedai usang (48 unit)
- Penyediaan perabot jalan
- Laluan pejalan kaki
- Pengindahan landskap



Bangunan rumah kedai usang di Pekan Padang Rengas dan Pekan Sauk



Jadual 4: Senarai Bangunan Warisan Daerah Kuala Kangsar

Bil.	Senarai Bangunan Warisan	Senarai JWN		Tahun Dibina	Kategori Bangunan	Bahan Binaan	Keadaan Bangunan
		Bangunan Warisan	Bangunan Warisan Kebangsaan				
1.	Masjid Ubudiah, Bukit Chandan	√	©	1917	Awam	Batu	Baik
2.	Istana Kenangan, Bukit Chandan	√		1926	Awam	Papan	Baik
3.	Istana Iskandariah, Bukit Chandan	√		1933	Awam	Batu	Baik
4.	Galeri Sultan Azlan Shah (Istana Ulu / Istana Kota), Bukit Chandan	√	©	1903	Awam	Batu	Baik
5.	Kolej Melayu Kuala Kangsar, Jalan Raja Idris	√	√	1905	Institusi	Batu	Baik
6.	Hospital Pertama, Jalan Taiping	√		1890an	Awam	Batu	Baik
7.	Menara Pandang / Pavillion, Jalan Taiping	√		1920	Awam	Bata / konkrit & papan	Baik
8.	Bangunan Pejabat Daerah, Jalan Raja Chulan	√	©	1900an	Awam	Batu	Baik
9.	Pokok Getah Pertama, Jalan Raja Idris	√		1877	Awam	-	Baik
10.	Pejabat Pos Besar Kuala Kangsar, Jalan Daeng Sedili	√	©	1900an	Awam	Batu	Baik
11.	Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford, Jalan Bendahara	√	©	1896	Institusi	Batu	Baik
12.	Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Perempuan Kelsom, Jalan Bukit Kerajaan	√	©	1877	Institusi	Batu	Baik
13.	Madrasah Idrisiah, Bukit Chandan	√	©	1917	Institusi	Batu	Baik
14.	Kediaman Baitul Rahmah, Bukit Chandan	√		1910	Persendirian	Papan / Batu	Sederhana
15.	Kediaman Kerabat DiRaja Perak (Syed Ziad), Bukit Chandan	√		1910an	Persendirian	Papan / Batu	Sederhana
16.	Istana Singgah Tengku Ampuan Selangor, Bukit Chandan	√		1910an	Persendirian	Papan / Batu	Baik
17.	Kelab Idris, Jalan Raja Chulan	√		1903	Institusi	Batu	Baik
18.	Jambatan Victoria, Karai	√	©	1900	Awam	Konkrit/Besi	Sederhana/ Mulai Buruk
19.	Jambatan Iskandar, Kg. Jamuan	√		1932	Awam	Konkrit/Besi	Baik
20.	Masjid Kg. Kuala Dal, Padang Rengas	©		1936	Institusi	Papan	Baik
21.	Masjid Kota Lama Kanan	©		1916	Institusi	Batu	Baik
22.	Kediaman Harun Ar Rashid bin Sultan Idris, Bukit Chandan	©		1900an	Persendirian	Batu / Kayu	Uzur
23.	Menara Jam Besar, Jalan Taiping	©		1930an	Awam	Batu	Baik
24.	Kediaman Baitul Rahman, Jalan Raja Idris	©		1910an	Awam	Batu	Sederhana
25.	Empangan Chenderoh (Empangan hidroelektrik dan stesen janakuasa hidroelektrik tertua di Malaysia)	©		1920an	Institusi	Batu	Baik
26.	Kediaman Pegawai Daerah, Bukit Chandan	©		1900an	Institusi	Batu	Baik

Sumber: Kajian RT Daerah Kuala Kangsar 2020, Jabatan Warisan Negara, 2010 dan Arkib Negara Malaysia, 2010.

Nota : √ Sedia ada dalam senarai © Cadangan RT

CADANGAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT SEJAHTERA

Terdapat 4 komponen di dalam pembangunan masyarakat sejahtera iaitu perumahan, petempatan desa, kemudahan masyarakat dan institusi serta kawasan lapang dan rekreasi. Cadangan yang telah disediakan adalah seperti berikut:

- i. **Penyediaan Zon Perumahan Baru** sehingga tahun 2020 seluas 3,999 hektar bertujuan meningkatkan kualiti hidup, meningkatkan peluang memiliki unit perumahan sendiri, menggalakkan pelaburan dan kemasukan penduduk ke Daerah Kuala Kangsar.
- ii. **Pembangunan Perumahan Kos Rendah** seluas 51.4 hektar yang bertumpu di bandar dan pekan utama daerah.
- iii. **Membangunkan Kawasan Desa Pinggir Bandar** iaitu di sekitar Bandar Kuala Kangsar, Lubok Merbau dan Pekan Manong. Ini adalah kerana kawasan kampung di pinggir bandar ini sedang mengalami tekanan pembangunan dan perlu dibangunkan secara terancang bagi memastikan impak negatif dapat dielakkan.
- iv. **Pewartaan Rizab Orang Asli** kerana sehingga kini, hanya 3 perkampungan Orang Asli yang telah diwartakan sebagai kawasan Rizab Orang Asli iaitu Kg. Bukit Cermin (BP1), Pos Kuala Mu (BP2) dan Kg. Kuala Chenein (BP4). Selebihnya iaitu sejumlah 46 perkampungan Orang Asli dan kawasan pertanian mereka belum diwartakan sebagai rizab Orang Asli. Ini penting bagi memastikan hak Orang Asli terpelihara.
- v. **Cadangan 2 Institut Latihan** di Daerah Kuala Kangsar iaitu Institut Latihan Islam (ILIM) Cawangan Utara dan Institut Latihan Eksekutif Kesihatan (ILEK) di Mukim Senggang (BP4). Cadangan ini penting bagi menjadikan Daerah Kuala Kangsar sebagai pusat ilmu terunggul, menjadi nukleus kepada pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal serta merupakan alternatif untuk mengekal dan mengelakkan migrasi keluar tenaga muda / menggalakkan kemasukan penduduk.
- vi. **Cadangan Pembinaan Sekolah** Menengah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan di Chandan Puteri, Sekolah Menengah Kebangsaan Berasrama di Jalong dan Lasah serta sebuah Sekolah Menengah Agama di BP1.
- vii. **Cadangan Kemudahan Kesihatan** iaitu Naiktaraf Hospital Daerah Kuala Kangsar, pembinaan 2 buah klinik kesihatan di Bandar Kuala Kangsar dan Bandar Sungai Siput (U) dan cadangan klinik desa.
- viii. **Cadangan Kemudahan Keselamatan** iaitu naiktaraf bangunan IPD Kuala Kangsar, pembinaan baru sebuah balai polis di Bandar Sungai Siput (U) dan balai bomba di Sauk.
- ix. **Cadangan Rezab Kerajaan** bagi pembangunan bangunan kerajaan secara berpusat di Bandar Kuala Kangsar (berhampiran Sayong) dan di Bandar Sungai Siput (berhadapan dengan Hospital Sungai Siput (U)).
- x. **Kompleks Sukan Daerah** di Lubok Merbau dengan keluasan 10.23 hektar
- xi. **Cadangan Taman Bandar** Sungai Siput (U) seluas 11.6 hektar.
- xii. **Cadangan Naiktaraf Kolam Takungan di Waterfront Business Park**, Bandar Sungai Siput (U) kepada kawasan rekreasi dengan keluasan 5 hektar
- xiii. **Cadangan Naiktaraf Kawasan Rekreasi Kolam Air Panas, Ara Panjang**, Manong



